

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini menyediakan beberapa maklumat penting mengenai insurans kemalangan diri anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda juga harus membacanya.**

1 Apa itu Insurans Kemalangan Diri Perjalanan Berkumpulan?

Polisi Kemalangan Diri Perjalanan Berkumpulan ini menyediakan pampasan kepada orang yang diinsuranskan yang melancong ke luar negara atau di dalam negara untuk urusan perniagaan atau rekreasi, jika berlakunya kecederaan, hilang upaya kekal, atau kematian akibat kemalangan, kos perubatan yang ditanggung akibat kemalangan atau penyakit, dan kos yang ditanggung akibat insiden lain yang dilindungi di bawah manfaat kesulitan perjalanan .

2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan RM80.00, anda akan menerima perlindungan berikut di bawah pelan Seluruh Dunia bagi perjalanan selama tiga (3) hari:

Polisi ini melindungi:	Polisi ini tidak melindungi:
<ul style="list-style-type: none"> • Manfaat Kemalangan Diri Kematian akibat Kemalangan ; atau : RM150,000 Hilang Upaya Kekal akibat Kemalangan (sehingga) • Manfaat Berkaitan Perubatan <ul style="list-style-type: none"> ○ Perbelanjaan Perubatan (sehingga) : RM150,000 ○ Pendapatan Hospital : RM350 sehari sehingga RM15,000 • Manfaat Kesulitan Perjalanan <ul style="list-style-type: none"> ○ Pembatalan Deposit atau Perjalanan (sehingga) : RM5,000 ○ Pemendekan Perjalanan (sehingga) : RM5,000 ○ Bagasi Peribadi dan Barangan Peribadi (sehingga) : RM5,000 ○ Kelewatan Bagasi : RM200 setiap 6 jam sehingga RM800 ○ Kelewatan Perjalanan : RM300 setiap 6 jam sehingga RM2,000 	<ul style="list-style-type: none"> • Peperangan, mogok rusuhan atau kekacauan; • Penutupan, kuarantin, perintah tinggal di rumah; • Aktiviti atau operasi ketenteraan laut, ketenteraan darat, ketenteraan udara, penguatkuasa undang- undang atau perkhidmatan pertahanan awam; • Keganasan/perbuatan keganasan; • HIV (Virus Kurang Daya Tahan Penyakit) dan/atau apa-apa penyakit berkaitan dengan HIV; • Penyakit Wajib Laport; • Membunuh diri atau cubaan membunuh diri; • Berada di bawah pengaruh dadah; • Di mana kandungan alkohol dalam sampel darah dan/atau urin anda melebihi had yang dibenarkan oleh undang-undang; • Kos rawatan bagi melahirkan anak, keguguran, atau kehamilan, melainkan disebabkan akibat kemalangan; • Penyakit sedia ada; • Aktiviti berbahaya; • Sukan profesional, pertandingan sukan; • Menunggang atau memandu tanpa lesen memandu yang sah.
<p>Dengan membayar premium tambahan, anda boleh memperluaskan perlindungan dengan menambah Manfaat Pilihan berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Rider Pilihan 1 – Aktiviti Sukan 2. Rider Pilihan 2 – Pendakian Gunung Altitud Tinggi 3. Kerosakan Peralatan Sukan (tersedia bagi aktiviti-aktiviti sukan di bawah Rider Pilihan 1 dan 2) 	
<p>Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi anda untuk butiran lengkap mengenai apa yang dilindungi dan tidak dilindungi.</p>	
<p>Sila maklum bahawa tempoh perlindungan orang yang diinsuranskan mungkin berbeza bergantung kepada tempoh perjalanan seperti yang ditentukan oleh orang yang diinsuranskan.</p>	

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai insurans kemalangan diri kami, anda boleh:



Hubungi kami di
1 300 22 5542



Emel kami di
customer.service@allianz.com.my

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk insurans ini, anda mesti membayar premium:	
Perlindungan Asas	RM80.00 untuk perjalanan selama 3 hari
Perlindungan Tambahan – Rider Pilihan 1 (Aktiviti Sukan)	RM10.00 untuk perjalanan selama 3 hari
Jumlah premium yang anda perlu bayar ialah RM90.00 .	
Di mana ini termasuk:	
Komisen	25% daripada premium atau RM22.50
Pemegang polisi induk perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Duti Setem	RM10.00
<p>Nota:</p> <ol style="list-style-type: none"> Cukai Perkhidmatan ("CP") 8% perlu dibayar atas premium untuk pelan Domestik sahaja. Oleh kerana ilustrasi di atas adalah untuk pelan Luar Negara (Seluruh Dunia), tiada CP yang dikenakan ke atas premium yang dinyatakan di atas. Amaan Cukai Perkhidmatan ("CP") di sini mungkin tertakluk kepada perubahan kerana kadar CP yang digunakan hendaklah berdasarkan kadar semasa mengikut undang-undang Malaysia. 	

4 Syarat Utama Lain

- Anda mesti memberi maklumat yang lengkap dan tepat dalam borang permohonan.
- Kewajipan penzahiran pra-kontrak (menurut Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013):
 - Sekiranya anda memohon insurans berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mesti mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui adalah berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan.
 - Sekiranya anda memohon insurans bagi tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mesti mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan kami dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai.
 - Jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.
 - Jika sebarang maklumat yang telah diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah selepas kontrak insuran dibuat, diubah atau diperbaharui oleh Allianz, anda mempunyai kewajipan untuk memaklumkan kepada Allianz dengan segera.
- Polisi ini melindungi warganegara Malaysia atau pemastautin tetap Malaysia, pemegang permit kerja yang sah, pemegang pas pelajar yang sah atau individu lain yang bekerja secara sah di Malaysia atau menetap di Malaysia secara sah, dan pasangannya serta anak/kanak-kanaknya yang tinggal secara sah di Malaysia semasa Tempoh Insurans, dan yang berumur:-
 - antara tiga puluh (30) hari hingga enam puluh lima (65) tahun untuk layak mendapatkan pelan asas;
 - antara tiga puluh (30) hari hingga enam puluh lima (65) tahun untuk layak mendapatkan Rider Pilihan 1;
 - antara lapan belas (18) tahun hingga enam puluh lima (65) tahun untuk layak mendapatkan Rider Pilihan 2.
- Bagi perjalanan/lawatan luar negara, setiap perjalanan mesti bermula dan berakhir di Malaysia.
- Tempoh maksimum perlindungan bagi setiap perjalanan adalah (i) dua ratus (200) hari berturut-turut bagi perjalanan/lawatan luar negara; dan (ii) tiga puluh (30) hari berturut-turut bagi perjalanan/lawatan domestik.
- Tunai Sebelum Perlindungan - Premium yang perlu dibayar mestilah dibayar dan diterima oleh Allianz sebelum perlindungan bermula. Perlindungan di bawah polisi ini akan terbatal secara automatik dan tidak sah jika syarat ini tidak dipatuhi.
- Semua tuntutan mesti diberikan secara bertulis kepada Allianz dalam tempoh tiga puluh (30) selepas pulang dari perjalanan.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Anda harus merujuk kepada polisi untuk butiran penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Ya. Sebagai orang yang diinsuranskan di bawah polisi ini, anda boleh membatalkan perlindungan anda di bawah polisi ini sebelum tempoh insurans bermula dengan memberikan notis bertulis kepada Allianz.

- Penamatan tersebut akan berkuat kuasa pada tarikh notis diterima atau pada tarikh yang dinyatakan dalam notis tersebut, mana yang lebih lewat.
- Sekiranya premium telah dibayar untuk tempoh selepas tarikh penamatan, anda berhak mendapatkan pemulangan premium yang telah dibayar untuk perlindungan individu anda.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).